

SOALAN 1: KESALAHAN TATABAHASA

Praktis 1: Kata Nama Am dan Kata Nama Khas

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. Garisi kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Laungan azan yang menandakan masuknya waktu solat Zohor kedengaran.

- (ii) Abang Roslan pegawai polis berpangkat Inspektor di Balai Polis Bangi.

- (iii) Cikgu Tasnim berasa gembira kerana penguasaan bahasa melayu dalam kalangan muridnya semakin baik.

- (iv) Semasa sambutan hari kebangsaan, kami berhimpun di Dataran Merdeka.

- (v) Bas Persiaran yang disewa untuk pelajar Tingkatan 3 ke Putrajaya masih belum tiba.

Praktis 2: Kata Ganti Nama

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. Garisi kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Beliau ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Agong yang ketujuh di Istana Negara.

- (ii) "Patik tidak menyangka bahawa Hang Jebat akan menderhaka," kata Hang Tuah kepada Tun Perak.

- (iii) "Saya menemui beliau dalam keadaan berlumuran darah selepas kejadian tembak-menembak itu, Tuan," kata Koperan Fazli.

- (iv) Siapa yang tidak membuat pengesahan pendaftaran kursus akan dikenakan bayaran denda.

- (v) Mereka-mereka yang menjuarai pertandingan debat peringkat kebangsaan merupakan peserta dari negeri Pahang.

- (vi) "Usahlah kamu bimbang, kami akan tiba di sini sebentar lagi," kata Encik Johar.
